

RCI: Kerajaan tampung RM21.7j penjagaan kesihatan pendatang di Sabah sejak 2007

Malaysian Insider

Mei 21, 2013

Oleh Boo Su-Lyn

KOTA KINABALU, 21 Mei — Kerajaan membelanjakan RM21.7 juta bagi penjagaan kesihatan untuk pendatang asing yang tidak membayar kos perubatan mereka, kata pegawai Jabatan Kesihatan kepada Suruhanjaya Siasatan Di Raja (RCI) berkenaan dengan pendatang haram di sini hari ini.

Angka pesakit asing, kebanyakannya rakyat Filipina dan Indonesia di hospital kerajaan meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini kepada 40,826 pada 2011 yang menerima rawatan pesakit, atau 19 peratus daripada jumlah pesakit secara keseluruhan.

"Pesakit asing datang ke hospital sama ada sebagai pesakit luar atau dalam meningkatkan beban kepada kami," kata Dr Maria Suleiman, timbalan pengarah prinsipal (Epidemiology) di Jabatan Kesihatan Sabah semasa RCI hari ini.

Beliau juga mendedahkan sejumlah 25 peratus rakyat asing melahirkan anak di hospital kerajaan pada 2011 atau 14,096 bayi.

Dari 2000 sehingga 2011, rakyat asing telah melahirkan 122,882 bayi di hospital kerajaan, purata 22 peratus daripada kelahiran keseluruhan.

"Rakyat asing melahirkan anak di hospital kerajaan membimbangkan kita kerana terdapat sejumlah 122,882 kelahiran," kata Maria.

Sejumlah 28 peratus dari 3.2 juta populasi Sabah adalah rakyat asing, berjumlah 889,000 orang.

Maria juga mengatakan sebaliknya, rakyat Malaysia berhutang kepada kerajaan RM 7.7 juta untuk bil perubatan dari 2007 hingga 2012.

Sejumlah 1,009,716 rakyat asing menerima rawatan pesakit luar di hospital kerajaan dari 2000 hingga 2012 sementara 295,053 warga asing dimasukkan ke dalam wad pada masa sama.

Bilangan warga asing yang menerima rawatan pesakit luar telah meningkat dari 56,956 pesakit pada tahun 2008, atau 2.6 peratus, kepada 81,651 pesakit pada tahun 2011, atau 3.3 peratus.

"Ini adalah angka penting yang memberi kesan kepada sistem penjagaan kesihatan," kata Maria.

Pegawai kanan kesihatan, yang telah bekerja dengan kerajaan selama 22 tahun, juga berkata terdapat 7,550 kes penyakit berjangkit di kalangan warga asing dari 2010 hingga 2012, termasuk campak, taun, penyakit kusta dan hepatitis.

Bilangan warga asing yang dijangkiti penyakit berjangkit, bagaimanapun, telah tergelincir dari 2,898 kes pada tahun 2010 kepada 2,143 kes pada 2012.

Maria melahirkan kebimbangan terhadap peningkatan jumlah pesakit asing, berkata: "Kos

rawatan adalah besar."

"Penyakit berjangkit sentiasa berlaku di Sabah," tambah beliau.

Maria, bagaimanapun, tidak mempunyai di tangan jumlah kos penjagaan kesihatan untuk warga asing.

"Kemasukan pendatang adalah masalah nasional dan kerajaan perlu melakukan sesuatu untuk mengembalikan hak-hak rakyat -hak untuk rawatan perubatan dan kesihatan," kata Maria.

"Kehadiran warga asing yang mempunyai kesan yang besar. Tetapi atas sebab-sebab kemanusiaan, kita masih perlu untuk merawat orang sakit," katanya.

Inkuiri dihadapan lima orang panel yang diketuai oleh bekas Ketua Hakim Sabah dan Sarawak Tan Sri Steve Shim Lip Kiong akan bersambung esok.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/rci-kerajaan-tampung-rm21.7j-penjagaan-kesihatan-pendatang-di-sabah-sejak-2007/>